

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	6 OCTOBER 2016

Mahathir akui gagal yakinkan Agong

UM - 6/10/2016

PUTRAJAYA 5 Okt. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengaku gagal meyakinkan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah untuk bertindak berhubung deklarasi pembangkang.

Bercakap kepada pemberita, Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu berkata, tiada jawapan yang positif diperolehi dalam pertemuan dengan Seri Paduka di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah bulan lalu.

Berikutan kegagalan itu, Dr. Mahathir kini sedang berusaha merayu kepada Majlis Raja-Raja agar menggunakan kuasa untuk bertindak terutama apabila majlis tersebut bakal bermesyuarat pada 11 Oktober ini.

"Saya tidak boleh ulang apa yang ditahankan baginda kepada saya kerana ia adalah rahsia.

Tetapi implikasinya adalah, apa yang kita minta kepada baginda tidak boleh dilaksanakan.

"Kita ada perbincangan yang panjang dalam satu jam 10 minit dan baginda bertanya secara serius tentang peruntukan undang-undang dan saya jelaskannya.

"Tetapi akhirnya, saya gagal meyakinkan baginda agar bertindak," katanya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 21 September lalu memberitahu, Tuanku Abdul Halim telah menjelaskan kepada Dr. Mahathir bahawa deklarasi pembangkang yang dibuat tidak mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir menambah, pihaknya telah menghantar surat-surat rayuan kepada kesemua raja Melayu yang bakal bermesyuarat kelak dengan hara-

pan, majlis tersebut dapat mengeluarkan pendapat terhadap isu-isu seperti 1Malaysia Development Bhd. (1MDB), dan laporan Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat.

"Saya tidak mewakili semua rakyat Malaysia kerana saya tiada mandat (daripada rakyat). Sebaliknya, saya bawa suara kesemua 1.2 juta orang yang telah menandatangani deklarasi," katanya.

Menjawab isu berbeza, Dr. Mahathir berkata, tindakan sembilan lelaki warga Australia memakai seluar dalam bercorak Jalur Gemilang ketika menyaksikan Perlumbaan Grand Prix Formula Satu (F1) di Sepang baru-baru ini disifatkan sebagai menghina negara.

Beliau berkata, perkara itu sepatutnya tidak berlaku sekiranya mereka memahami adab dan budaya sesebuah negara.

"Kita mesti menghormati undang-undang dan nilai di negara yang dilawati. Mungkin di tempat lain perbuatan itu tidak salah tetapi di Malaysia, ia menjadi satu kesalahan," katanya.



MAHATHIR MOHAMAD